

Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BERITA JMM JILID 39 ▪ BIL. 1/2023 ▪ JANUARI - APRIL | ISSN 2231-8321

Kembara PERPADUAN



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatanmuziummalaysia



www.jmm.gov.my



RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN
Majlis Pelancaran Kembara
Perpaduan Malaysia Madani 2023.

PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR

Mohd Razaimi bin Hamat

EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

PENYELARAS

Rozlinah binti Ismail
Azila binti Rohani@Rosani
Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

EDARAN

Unit Perpustakaan

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000,
(+603) 2282 6255
Faks : (+603) 2282 6434
<https://www.jmm.gov.my>

DICETAK OLEH

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd
No.50 &52A, Jalan Seri Aman,
Taman Seri Aman,
43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.
Berita ini boleh dimuat turun daripada laman
web JMM.

LIDAH PENGARANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Selamat Tahun Baru 2023

Tahun 2023 menyaksikan JMM berpindah kementerian dari MOTAC dan bernaung pula di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), sebuah kementerian dengan visi perpaduan yang inklusif dan misi penyatupaduan untuk membina tapak bagi pengukuhan semangat muhibah dalam kalangan rakyat. Namun, pertukaran ini bukanlah sesuatu yang baru kerana sebelum ini pada tahun 2008 JMM pernah berada di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Saya percaya pertukaran ini memberi kesan positif kepada JMM dalam menjurus kewujudannya kepada elemen penghayatan jati diri, pembinaan negara bangsa dan seterusnya melahirkan masyarakat Malaysia yang kenal dan cintakan negara. Saya yakin program-program JMM yang telah dirancang untuk tahun ini akan lebih menjurus dan seiring dengan hasrat KPN dalam mencapai visi dan misinya.

JMM juga harus bersiap sedia dengan sasaran dan strategi yang lebih efektif dalam merealisasikan setiap program dan aktiviti. PSJP 2023 – 2027 JMM juga perlu melihat kepada Dasar Perpaduan Negara, Blueprint Perpaduan Negara 2021 – 2030 dan seterusnya Kerangka Dasar Madani.

Saya bersyukur kehadiran Allah SWT kerana rakaman gerak kerja JMM sepanjang bulan Januari hingga April 2023 berjaya diterbitkan seperti edisi-edisi sebelumnya. Suku tahun pertama 2023 adalah permulaan bagi meneruskan momentum untuk bulan-bulan seterusnya. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi serta semua pihak terlibat dalam merealisasikan Berita JMM Bil. 1/2023 ini.

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia

ISI KANDUNGAN

JILID 39 / BIL.1 / 2023 JANUARI - APRIL

- 4 MAJLIS PELANCARAN KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI
- 6 PAMERAN *DYECO* DI MUZIUM TEKSTIL NEGARA
- 7 LAWATAN MENTERI PERPADUAN KE MUZIUM KOTA KAYANG
- 8 • PAMERAN PERMAINAN TRADISIONAL – MUZIUM MATANG
• PROGRAM *FLIPPED* MUZIUM
- 9 MAJLIS AMANAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KEPADA WARGA AGENSI KEMENTERIAN DAN LAWATAN MENTERI KE MUZIUM SENI BINA MALAYSIA MELAKA
- 10 PROGRAM EKSPLORASI@MUZIUM: MUZIUM GERBANG TAMADUN MELAYU
- 11 PENDAKIAN SANTAI DAN MENJEJAK SEJARAH *CHIMNEY WALKING TRAIL* TANJUNG KUBONG W.P LABUAN
- 12 • LAWATAN ILMIAH KE ARKIB NEGARA
• *HIKING* SMA AD-DINIAH - MUZIUM KOTA KAYANG
- 13 BICARA@MUZIUM JINS SHAMSUDIN DAN PERANANNYA DALAM INDUSTRI
- 14 PROGRAM EKSPLORASI@MUZIUM MATANG
- 15 *KELANTAN ART & CULTURE FESTIVAL TOUR 2023*
- 16 BERITA BERGAMBAR
- 18 KUNJUNGAN SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG KE MUZIUM TEKSTIL NEGARA SEMENA PAMERAN *DYECO*: EKSPLORASI EKO TEKSTIL PEWARNA ALAMI
- 19 PROGRAM BICARA@MUZIUM, MUZIUM MATANG
- 20 PROGRAM SINGGAH SANTAI MUZIUM CHIMNEY
- 21 PROGRAM CERIA@MUZIUM NEGARA
- 22 PROGRAM JANGKAU LUAR MUZIUM ALAM SEMULAJADI
- 23 • KENALI MUZIUM ADAT
• PROGRAM CUTI SEKOLAH@MUZIUM MUZIK
- 24 PROGRAM TAUTAN KASIH *NONA BAKER IS BACK TO SUNGAI LEMBING*
- 25 BICARA@MUZIUM KOTA KAYANG BATU NISAN ACEH: MENELUSURI SEJARAH ASAL-USUL DAN KEWUJUDANNYA
- 26 PROGRAM BICARA@MUZIUM EKSPLORASI DAN KEINDAHAN PEWARNAAN SEMULAJADI PADA TEKSTIL
- 27 PESTA ANGIN TIMUR 2023 “MAI PAKAT MAI, PAKAT MAI RAMAI-RAMAI”
- 28 SEMBANG SANTAI: ‘TRADISI BUBUR LAMBUK NEGERI PERAK’
- 29 BENGKEL BERSAMA SLAE’ KOSMETIK TAMPIL CANTIK DAN PROFESSIONAL
- 30 • SENAMROBIK JMM
• ZIARAH AMAL PKSR – ENCIK ABDUR RAHIM MAZUKI
- 31 TAHUKAH ANDA – SINOPSIS BUKU





Majlis Pelancaran Kembara Perpaduan Malaysia Madani

Oleh: Yusri Ja'afar (BKK), Bahagian Komunikasi Korporat

KUALALUMPUR - Kembara Perpaduan Malaysia MADANI merupakan program *flagship* dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI. Ia juga salah satu inisiatif melalui Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam usaha memperkasa agenda perpaduan negara dan integrasi nasional di bawah Ikhtiar 11: Menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat.





Majlis Pelancaran Kembara Perpaduan Malaysia Madani telah disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang pada 1 Mac 2023 di Dataran Muzium Negara. Ketibaan beliau disambut dengan persembahan tarian pelbagai kaum disusuli dengan nyanyian Negaraku serta bacaan Ikrar Rukun Negara. Memetik ucapan beliau, program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan membawa impak yang besar kepada seluruh lapisan masyarakat dengan pelbagai pengisian program yang dapat memperkukuh jalinan muhibah dan ikatan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.

Acara kemuncak majlis ialah pelancaran logo Kembara Perpaduan Malaysia MADANI di pentas utama. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan menggerakkan keseluruhan agensi di bawahnya untuk menerajui pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang. Ia merangkumi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN); Jabatan Muzium Malaysia (JMM); Arkib Negara Malaysia (ANM); Perpustakaan Negara Malaysia (PNM); Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS); Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) dan Yayasan Tun Razak (YTR). Penglibatan jentera perpaduan khususnya KRT, Skim Rondaan Sukarela, Sekretariat Rukun Negara, Kelab Rukun Negara, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan dan NGO Rakan Perpaduan *Friends of Unity* akan diperkasakan bagi menyokong pelaksanaan setiap program dan aktiviti berkaitan.

YB Menteri turut menegaskan bahawa, pelaksanaan semua program berkenaan akan menggunakan pendekatan kerajaan secara menyeluruh iaitu kerjasama antara agensi kerajaan merentasi sempadan portfolio organisasi dengan berkongsi tindakan untuk mencapai matlamat pembangunan Malaysia MADANI.

Terdapat tiga Kluster Utama di bawah *Flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI iaitu:

1 Semarak Kenegaraan

Semarak Kenegaraan adalah program yang dianjurkan bagi memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat melalui usaha memasyarakatkan Rukun Negara.

2 Semarak Perpaduan

Semarak Perpaduan merupakan program yang bertemakan 'Merakyatkan Perpaduan' bertujuan meraikan perbezaan dalam kepelbagaian melalui elemen seperti kebudayaan, pendidikan dan juga rekreasi.

3 Komuniti Rahmah

Program Komuniti Rahmah memberi fokus kepada pembinaan komuniti yang sejahtera dan harmoni meliputi aspek ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kenegaraan, kebudayaan dan alam sekitar.

Seterusnya beliau menyeru agar seluruh rakyat dapat menghayati konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan mengamalkan nilai toleransi dalam membina masyarakat MADANI yang bersatu padu dan berdaya saing.

Majlis turut dihadiri, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha KPN, YBrs. Dr. Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha KPN, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan kenamaan lain.

PAMERAN *DYECO*: TEXTILE ECO EXPLORATION OF NATURAL DYES

Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR - *DYECO: Textile Eco Exploration of Natural Dyes* ialah sebuah pameran hasil sentuhan pelajar tahun akhir mahasiswa Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Seni Reka Tekstil anjuran Jabatan Seni Reka Tekstil, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam telah diadakan di Muzium Tekstil Negara (MTN). Pameran ini berlangsung selama seminggu bermula dari 18 Februari hingga 18 Mac 2023 di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara.

Pameran ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), JMM dengan dihadiri oleh YBrs. Prof. Dr. Shahanum Md Shah, Timbalan Naib Canselor, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Pengarah MTN, Pensyarah-Pensyarah kanan UiTM, para penggiat seni tekstil, ibu bapa dan pelajar. Semasa majlis perasmian ini berlangsung, beberapa anugerah turut disampaikan bagi menghargai hasil karya pelajar iaitu, Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan yang dimenangi oleh saudara Muhammad Faiz bin Zahurin; Anugerah Pereka Terbaik disandang oleh saudari Nuranisa binti Awang Anak; dan Anugerah Projek Tekstil Terbaik dimenangi oleh saudari Nurul Farhanah binti Nor Hanif.

Pameran ini menampilkan 100 buah koleksi hasil karya seni reka tekstil hasil buatan tangan 27 orang siswa-siswi daripada tiga disiplin ilmu yang terdiri

daripada Seni Resis, Seni Cetakan dan Seni Serat atau Tenunan. Keseluruhan hasil karya tekstil yang dipamerkan menggunakan sepenuhnya bahan mengunakan sepenuhnya bahan dan bahantara semulajadi. Subjek olahan idea rekaan merupakan hasil inspirasi dan eksplorasi dari pelbagai jenis, bentuk serta bahagian tumbuh-tumbuhan yang telah dikenalpasti oleh mahasiswa yang terlibat. Seterusnya subjek yang terpilih telah diolah menjadi motif atau corak yang digunakan dalam hasil rekacorak pada karya. Bahan subjek yang dipilih ini juga kemudiannya diproses untuk dijadikan perwarna bagi mewarnai hasil karya yang dihasilkan.

Antara kategori koleksi yang dipamerkan ialah teknik batik lukis, teknik batik retakan, ikat celup dan *shibori*. Terdapat juga hasil karya Seni Cetakan seperti teknik cetakan skrin dan cetakan eko dan juga hasil karya Seni Serat khususnya teknik tenunan tapestri kreatif dan teknik tenunan kek kontemporari. Koleksi karya-karya tersebut adalah dalam bentuk fabrik panjang, panel hiasan dan busana kreatif. Penghasilan karya pelajar ini mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada dua orang pensyarah kanan yang berwibawa iaitu, Prof. Madya Dr. Mohd. Azhar Samin dan Puan Juita Jaafar Manap.

Sepanjang tempoh pameran diadakan, pengunjung turut berpeluang mengikuti perkongsian ilmu melalui sesi Bicara Tekstil, membeli produk tekstil para pelajar di kiosk Karya Seni

dan juga mengikuti Bengkel Mencorak Tekstil menggunakan perwarna alami serta belajar teknik tenunan kreatif.

Pameran ini merupakan suatu platform bagi pereka muda Bidang Seni Reka Tekstil Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM dalam mempersembahkan bakat dan kreativiti disamping mendapat pendedahan serta pengalaman sebenar di luar bilik kuliah. Pameran ini diharap akan menarik perhatian masyarakat khususnya murid dan pelajar sekolah, guru-guru seni, mahasiswa, tenaga pengajar dan penyelidik dari IPT awam dan swasta, pencinta, pengamal, pereka dan pengusaha seni tekstil tempatan.

LAWATAN RASMI MENTERI PERPADUAN NEGARA KE MUZIUM KOTA KAYANG

Oleh: Nurul Azlida binti Ghozali, Muzium Kota Kayang, Perlis

KOTA KAYANG - Tirai 2023 diserikan dengan kunjungan rasmi Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, ke Muzium Kota Kayang pada 10 Januari 2023 sempena Majlis Perjumpaan dan Amanat bersama warga Kementerian Perpaduan di negeri Perlis.

Beliau telah dibawa melawat ke Galeri Sejarah, Arkeologi, Senjata, Pameran Semangat Padi, Makam Al-Mahum Kayang Pertama, Perigi Diraja dan persekitaran kawasan Muzium Kota Kayang. Turut mengiringi beliau ialah Yang Berbahagia, Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan, Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, pegawai serta kakitangan dari Kementerian Perpaduan Negara dan JMM. Taklimat disampaikan oleh Pengarah Muzium Kota Kayang, Puan Siti Munirah binti Kasim.

Semoga dengan kunjungan rasmi ini dapat memberi gambaran dan memperkenalkan keunikan Muzium Kota Kayang kepada warga Kementerian Perpaduan Negara disamping mengeratkan hubungan kerjasama melalui program dan aktiviti yang akan datang. Selain itu, diharap dengan kunjungan ini, Muzium Kota Kayang dapat meletakkan dirinya sebagai salah sebuah institusi penting dalam aktiviti pendidikan dan pengembangan seterusnya menyumbang kepada perpaduan negara.



Pameran Permainan Tradisional

Oleh: Nur Nasihah binti Mohamed Ariffin, Muzium Matang

MATANG – Sepanjang bulan Februari 2023, Muzium Matang telah mengadakan pameran bergerak ke sekolah-sekolah di sekitar daerah Larut Matang dan Selama dengan tema “Pameran Permainan Tradisional” dan telah dijalankan sebanyak tiga siri.

Pameran ini diadakan untuk memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai asal-usul, jenis permainan, fungsi dan cara yang betul untuk bermain permainan seperti wau, ting-ting, sepak raga, kabaddi dan lain-lain. Sebanyak tiga buah sekolah terlibat dalam menjayakan program ini iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Menteri pada 1 Februari 2023, Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang pada 8 Februari 2023 dan Sekolah Kebangsaan Matang pada 9 Februari 2023.

Melalui pameran ini, para pelajar berpeluang merasai pengalaman bermain congkak, gasing, dam ular, batu seremban, guli, memanah, lari dalam guni, lari tempurung, kundi atas kepala, timbang bola takraw dan yang paling menarik iaitu aktiviti demonstrasi membuat batu seremban menggunakan kacang hijau. Para pelajar juga berpeluang memenangi hadiah melalui aktiviti pertandingan kuiz, musang berjanggung dan permainan sukan tradisi secara berkumpulan.

Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan kerjasama yang baik dari pihak sekolah. Program ini secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai permainan tradisional. Selain memupuk semangat perpaduan antara pelajar melalui aktiviti yang dijalankan.



PROGRAM “FLIPPED MUSEUM” MUZIUM SENI ASIA

Oleh : Nik Mazielia Idura binti Nik Mohamed Muzium Etnologi Dunia Melayu

KUALA LUMPUR - Program “Flipped Museum” yang diadakan di Muzium Seni Asia merupakan program rintis bagi Universiti Malaya STEM Centre (UM STEM) dengan kerjasama Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM). Program ini menggunakan kaedah pembelajaran ilmu sains dan sosial secara kreatif dalam menarik minat kanak-kanak ke muzium. Pada 31 Januari 2023, seramai 35 orang pelajar dari Sekolah Rendah Islam Darul Ehsan terlibat dalam program ini. Terdapat pelbagai aktiviti yang dilaksanakan antaranya penerangan berkaitan artifak dan sesi kuiz yang dikelolakan oleh UM STEM dan Muzium Seni Asia serta demonstrasi mini tembikar oleh kakitangan Muzium Etnologi Dunia Melayu dan Institut Kraf Negara. Para pelajar turut berpeluang melaksanakan aktiviti membuat tembikar menggunakan teknik asas pembuatan tembikar iaitu teknik picitan dan teknik lingkaran dengan bantuan dan bimbingan kakitangan Muzium Etnologi Dunia Melayu dan Institut Kraf Negara. Program kerjasama ini diharap dapat membantu meluaskan jaringan kerjasama di antara institusi permuziuman dan agensi-agensi luar seperti Institut Kraf Negara dan sebagainya.



Peserta program yang terlibat bersama kakitangan UM STEM, Muzium Seni Asia, Muzium Etnologi Dunia Melayu dan Institut Kraf Negara.



Para pelajar berpeluang membuat mini tembikar menggunakan asas teknik pembuatan seramik iaitu teknik picitan dengan dibantu oleh kakitangan MEDM.

MAJLIS AMANAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KEPADA WARGA AGENSI KEMENTERIAN DAN LAWATAN MENTERI KE MUZIUM SENI BINA MALAYSIA MELAKA

Oleh: Sahrul Adli bin Mohd Yunan, Muzium Senibina Malaysia



YB Menteri menandatangani buku pelawat VIP di Muzium Seni Bina Malaysia



Sesi taklimat kepada YB Menteri disampaikan oleh ketua Muzium Seni Bina Malaysia Encik Mohamad Taufik bin Harun



Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JMM menyampaikan cenderamata kepada YB Menteri sambil disaksikan oleh Ketua Setiausaha KPN

MELAKA - Pada 16 Januari 2023 Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang, telah mengadakan lawatan kerja ke Melaka dan turut melawat Muzium Seni Bina Malaysia. Lawatan tersebut menyaksikan beliau mengadakan perjumpaan dan menyampaikan amanat kepada warga agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara, di Negeri Melaka bertempat di Auditorium PERZIM Bandar Hilir Melaka. Antara intipati ucapan yang disampaikan oleh YB Menteri termasuklah inisiatif yang dibawakan oleh Kementerian adalah selari dengan hasrat pembangunan masyarakat MADANI, konsep yang mengetengahkan pengamalan, akhlak dan moral yang baik, serta penerimaan kepelbagaian dalam kehidupan masyarakat akan terus diterapkan dalam setiap pengajuran program kementerian dan agensi. Beliau turut menerangkan bahawa pihak Kementerian sedang giat menyelaras program-program berimpak tinggi dalam mempromosikan usaha pembangunan masyarakat MADANI seperti mana yang telah diinspirasikan oleh YAB Perdana Menteri. Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Indera Noridah Abdul Rahim, Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) YBhg. Datuk Akramuddin bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Muzium Malaysia, YBrs. Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) YBrs. Encik Zulkifli Hashim.

Seusai majlis tersebut Kementerian dan agensi telah dibawa melawat Muzium Seni Bina Malaysia. Ketibaan

YB Menteri dan rombongan telah disambut oleh Ketua Muzium Seni Bina Malaysia Encik Mohamad Taufik bin Harun dan diserikan dengan persembahan "Silat Bunga Tanjung" oleh Pertubuhan Seni Silat Gayong. Setelah tamat lawatan ke Muzium Seni Bina Malaysia, YB Menteri bersama rombongan menaiki beca menuju ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan untuk lawatan seterusnya.

Pada sesi sebelah malam, YB Menteri telah melawat Pasukan Skim Rondaan Sukarela (SRS) Taman Bukit Rambai Melaka. Dalam lawatan tersebut YB Menteri turut diiringi oleh Ketua Setiausaha KPN YBhg Dato' Indera Noridah Abdul Rahim, Ketua Pengarah JPNIN YBhg Dato' Hajah Norison Ramli serta Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JMM YBrs. Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi.





Para pelajar tekun mendengar taklimat dan demonstrasi pengukuran koleksi artifak alat muzik di Muzium Muzik.



Demonstrasi pengukuran koleksi artifak yang ditunjukkan oleh Puan Nik Mazielia Idura binti Nik Mohamed, Penolong Kurator MEDM. Demonstrasi melibatkan para pelajar yang ditempatkan di MEDM dan Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA).

PROGRAM EKSPLORASI @ MUZIUM: MUZIUM GERBANG TAMADUN MELAYU

Oleh: Mohd Razali Bin Ya'cob @ Jusoh, Muzium Etnologi Dunia Melayu

KUALA LUMPUR - Pada 26 Januari 2023, telah berlangsung Program Eksplorasi @ Muzium: Muzium Gerbang Tamadun Melayu yang melibatkan Muzium Negara, Muzium Tekstil Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Seni Kraf Orang Asli dan Muzium Muzik. Program ini merupakan projek rintis antara Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya (APMUM) dengan Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Sejumlah 183 orang pelajar dan sembilan orang pensyarah telah menyertai program ini. Bagi memastikan kelancaran program, Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) telah bertindak sebagai penyelaras. Pihak MEDM dengan kerjasama pensyarah APMUM telah menyelaraskan agihan keseluruhan pelajar mengikut kapasiti muzium-muzium yang terpilih. Daripada 183 orang pelajar, seramai 21 orang pelajar ditempatkan di Muzium Muzik, 14 orang pelajar di Muzium Seni Kraf Orang Asli, 40 orang pelajar di Muzium Tekstil Negara, 89 orang pelajar di Muzium Negara dan 19 orang pelajar di Muzium Etnologi Dunia Melayu.

Sepanjang program berlangsung, para pelajar telah diberikan taklimat berkaitan sejarah dan latar belakang muzium masing-masing. Selain itu, para pelajar juga turut diberi penerangan ringkas berkaitan pengurusan koleksi yang dilakukan oleh pihak muzium seperti



Taklimat dan demonstrasi berkaitan koleksi artifak pakaian yang disampaikan oleh kakitangan Muzium Negara.

kaedah penyimpanan artifak, kaedah peragaan artifak dalam sesuatu pameran dan juga kaedah pengukuran pelbagai koleksi yang terdapat di muzium. Para pelajar turut diberikan tugas iaitu membuat inventori mudah dan mengumpul maklumat berkaitan koleksi yang telah dipilih oleh muzium masing-masing. Hasil penulisan data yang telah dikemaskini diserahkan kepada pensyarah masing-masing bagi tujuan semakan dan pemurnian. Hasil penulisan akhir akan diserahkan satu salinan kepada Jabatan Muzium Malaysia.

Program kerjasama APMUM dengan JMM ini boleh dijadikan wadah perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman antara institusi permuziuman dengan institusi pengajian tinggi amnya. Para pelajar bukan sahaja dapat memahami peranan dan kepentingan muzium dalam usaha memelihara dan memulihara khazanah warisan negara, tetapi juga merasai pengalaman baharu meneroka informasi tanpa sempadan mengenai artifak yang terdapat di muzium.





PENDAKIAN SANTAI DAN MENJEJAK SEJARAH CHIMNEY WALKING TRAIL TANJUNG KUBONG W.P LABUAN

Oleh : Affendi bin Tawakkal, Muzium Labuan

LABUAN - Pulau Labuan sememangnya terkenal dengan nama Pulau Mutiara Laut China Selatan dan merupakan salah satu destinasi ideal kepada penggemar alam semulajadi. Pada 06 Februari 2023, Persatuan Kebajikan Sosial dan Rekreasi (PKSR) Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (JMMWPL) telah menganjurkan aktiviti menyelusuri kawasan *Chimney Walking Trail* di Tanjung Kubong, Labuan yang telah diisytihar sebagai salah satu tapak Geopark Kebangsaan Malaysia. Pendakian santai ini bermula seawal jam 08.15 pagi di Muzium Chimney. Program ini turut dihadiri Pengarah Muzium Labuan, Encik Muhammad Azam bin Adnan dan 15 orang kakitangan JMMWPL. *Chimney Walking Trail* menempuh perjalanan sejauh 3.8 km dan terdapat beberapa hentian. Selepas aktiviti senam pagi dan taklimat ringkas keselamatan yang disampaikan oleh Puan Nurlina Hamza, Ketua Muzium Chimney, perjalanan merentasi *Chimney Walking Trail* bermula menuju ke laluan pertama iaitu Gedung Ubat, Tanjung Kubong Labuan. Objektif aktiviti ialah pengisian ilmu tentang kawasan histografi *Chimney Walking Trail* disamping aktiviti riadah dalam kalangan JMMWPL.

1 Gedung Ubat

Gedung Ubat ialah hentian pertama apabila melalui *Chimney Walking Trail*. Laluan ini mengambil masa hanya 10 minit atau 800 meter dari Muzium Chimney. Gedung Ubat ini telah bertapak di Tanjung Kubong, Labuan sejak Perang Dunia Kedua dan pernah digunakan pihak tentera Jepun untuk menempatkan peluru dan ubat bedil. Struktur silinder Gedung Ubat ini adalah setinggi 3.5-meter dan dilindungi atap berbentuk kon serta pintunya dibina menghadap ke arah laut.

2 Raffles Anchorage dan Batu Pasir Belait (Temburung)

Aktiviti *trail* PKSR JMMWPL diteruskan dengan menjejaki pesisir pantai indah *Raffles Anchorage* 150-meter dari lokasi Gedung Ubat. Laluan menuju ke pantai sedikit cerun namun masih selamat dilalui. Pantai *Raffles Anchorage* dipercayai merupakan bekas tapak peninggalan kapal-kapal mengisi bahan bakar batu arang untuk menjalankan enjin stim ketika era perlombongan suatu ketika dahulu. Bentuk geomorfologi dan sedimen berkualiti tinggi

pantai *Raffles Anchorage* sememangnya memukau pandangan pelawat terutamanya ketika matahari terbit. Laluan ke Batu Pasir Belait Tapak Geologi hanya 50 meter dari Pantai *Raffles Anchorage*. Menurut Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Batu Pasir Belait termasuk dalam kejadian geologi yang terbina kira-kira 15-30 juta tahun dahulu. Lapisan jujukan batuan turbidit terhasil dari enapan laut yang sempurna telah mengangkat laluan ini sebagai salah satu tapak saintifik dan warisan Geopark Kebangsaan yang bernilai tinggi.

3 Pusara Peringatan British

Warga PKSR JMMWPL meneruskan laluan ke hentian terakhir iaitu Pusat Peringatan British yang terletak kira-kira 350 meter dari Batu Pasir Belait. Lokasi bersejarah ini menempatkan dua batu peringatan warga British yang pernah berkhidmat dengan Syarikat *Eastern Archipelago* iaitu sebuah syarikat perlombongan arang batu di Labuan. Sumber dari catatan batu-batu nisan mendapati Alice Watson telah meninggal dunia ketika beliau berusia 33 tahun pada 30 November 1866 dan anaknya bernama Elizabeth Jane direkodkan meninggal dunia pada 24 Mei 1866 yang hanya berusia 2 hari. Manakala batu peringatan Evan Thomas merekodkan tarikh kematian pada 4 Julai 1868 ketika usianya 38 tahun. Jejak sejarah ini tidak dinafikan memberi banyak informasi tentang Labuan *Chimney Trail*, bak kata orang jauh perjalanan, luas pemandangan. Warga PKSR JMMWPL bergerak semula ke Muzium Chimney dan aktiviti pendakian santai ini berakhir pada jam 10.00 pagi



LAWATAN ILMIAH KE ARKIB NEGARA MALAYSIA

Oleh: Roszaida binti Mohamed Said, Unit Perpustakaan

KUALALUMPUR-Lawatan ilmiah ini telah diadakan pada 3 Februari 2023 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Wisma Warisan, Arkib Negara Malaysia (ANM). Satu perbincangan yang dipengerusikan oleh Encik Zaidin bin Mohd. Noor, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan) turut diadakan serta dihadiri oleh beberapa orang pegawai dari Arkib Negara Malaysia. Lawatan ini diketuai oleh Encik Zainal bin Ariffin, Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan.

Tujuan utama lawatan ini ialah untuk mendapatkan khidmat nasihat, pandangan serta saranan daripada pihak ANM berkaitan kerja pendigitalan bahan nadir terutamanya kaedah membaik pulih bahan-bahan nadir yang telah semakin usang/reput di Muzium Perak, Taiping.

Delegasi JMM telah dibawa ke Seksyen Pemeliharaan dan Repografi (SPRG) yang bertanggungjawab melaksanakan program dan aktiviti pemeliharaan bahan arkib selaras dengan peruntukan Seksyen 36 (b), Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Kerja pemuliharaan rekod dilaksanakan menggunakan kaedah restorasi dan penjilidan mengikut amalan terbaik arkib antarabangsa. SPRG merangkumi 3 Unit iaitu Unit Restorasi, Makmal dan Kajian, Unit Repografi dan Unit Tindakan Pemulihan Bencana Rekod

Seterusnya, delegasi dibawa ke Makmal Pendigitalan (Seksyen Arkib Digital) yang bertanggungjawab melaksanakan program dan aktiviti pemeliharaan dan pendigitalan Unit Pemeliharaan Digital dan Unit Peralihan Data pula bertanggungjawab memastikan bahan arkib dipelihara dan diakses secara dalam talian. Hasil lawatan dan perbincangan satu mesyuarat susulan akan diadakan di Muzium Perak membincangkan lebih lanjut mengenai projek pemuliharaan bahan nadir ini.



Sesi foto bersama pegawai ANM dan En Zaidin bin Mohd Noor, TKP (perancangan dan pengurusan) ANM



PROGRAM MENELUSURI SEJARAH GUA BUKIT MENARA MUZIUM KOTA KAYANG

Oleh: Nurul Azlida binti Ghazali, Muzium Kota Kayang, Perlis

KOTA KAYANG - Pemandangan alam semulajadi yang cantik dan dihiasi gua-gua batu kapur di sekitar kawasan Muzium Kota Kayang telah menarik minat Sekolah Menengah Agama Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad-Diniah, Arau Perlis untuk mengadakan program kecergasan mendaki bukit dan gua.

Pada 2 Februari 2023 yang lalu, seramai 120 orang pelajar dan guru telah dibawa melawat ke galeri pameran, Makam DiRaja Al-Marhum Kayang Pertama dan seterusnya memasuki gua dan mendaki sehingga ke puncak Bukit Menara. Para pelajar boleh menikmati keindahan panoroma yang cantik di sekeliling kawasan muzium dari puncak bukit.

Di sepanjang laluan yang mencabar dan sempit, pelajar juga diberi pendedahan tentang jenis tumbuhan, pelbagai haiwan kecil dan bentuk stalaktit serta stalagmit yang terbentuk di sekitar dinding gua.

Program pendakian seumpama ini mampu meningkatkan kecergasan diri pelajar-pelajar, disamping menambah ilmu pengetahuan tentang sejarah negeri Perlis dan menghargai alam semulajadi di sekitar mereka.



Penyampaian cenderamata berbentuk lukisan Muzium Kota Kayang yang dilukis sendiri oleh pelajar Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah.



JINS SHAMSUDIN DAN PERANANNYA DALAM INDUSTRI PERFILEMAN MELAYU

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak

PERAK - 16 Mac 2023 Program Bicara@Muzium bertajuk 'Jins Shamsudin Dan Peranannya Dalam Industri Perfileman Melayu' telah diadakan bersempena Pameran Seniman Perak Sepanjang Zaman di Muzium Perak. Program Bicara@Muzium kali ini menampilkan Encik Mohd Zamberi bin A Malek, seorang penulis dan karyawan tamu dari Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Objektif program ini diadakan untuk memberi pengetahuan dan perkongsian ilmu mengenai tokoh seniman yang berasal dari negeri Perak. Program ini telah disertai oleh 65 orang peserta terdiri daripada kakitangan kerajaan, penyelidik, warga pendidik, penggiat seni, NGO dan orang persendirian. Program ini juga turut dijalankan secara atas talian menerusi platform FB live Muzium Perak Taiping Rasmi.

Seniman lagenda Allahyarham Datuk Dr Tan Sri Jins Shamsudin atau nama sebenar Mohamad Zain bin Samsudin dalam bidang lakonan dan pengarahan tidak dinafikan lagi dalam industri perfileman negara. Menurut Encik Mohd Zamberi "kebolehan Jins berlakon di dalam filem kerana lakonannya yang hidup dan bersuara lantang menjadikan filem lakonannya diminati khalayak dan beliau rapat dengan Jins serta mengenali karakternya yang menampilkan imej segar, bergaya dan tampan".

Allahyarham Jins Shamsudin mula mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada Allahyarham Tan Sri P. Ramlee semasa di *screen test* pada 26 Mei 1956 di Singapura. Encik Mohd Zamberi berkata, P. Ramlee mengetengahkan Jins kerana perwatakannya, mempunyai bakat berlakon dan dia dikatakan mempunyai masa depan yang cerah untuk menjadi terkenal. Kata-kata itu dianggap keramat oleh Jins Samsudin dan menjadi pendorong yang kuat untuknya melangkah ke hadapan.

Ini terbukti dalam lakonannya yang pertama di dalam filem Panca Delima. Antara filem lakonan Jins Shamsudin termasuklah Sarjan Hassan, Matahari, Samseng, Dandan Setia, Si Tanggung, Gerak Kilat, Bukan Salah Ibu Mengandung, Sumpah Wanita dan lain-lain. Allahyarham Jins Shamsudin juga menjadi pengarah bagi filem Menanti Hari Esok, Esok Masih Ada, Tiada Esok Bagimu, Bukit Kepong, Ali Setan dan Balada. Peranan bengis dan garang Allahyarham Jins telah mewarnai hampir semua lakonannya di Singapura. Itulah kelebihan seniman yang dipuja peminat, biarpun berwatak garang namun peminat tetap memujanya. Beliau menjadi lebih terkenal selepas diberi peranan sebagai pelakon utama dalam filem arahan P. Ramlee, Panca Delima dan sebagai ejen perisik Jefri Zain dalam siri filem Hong Kong ala filem Hollywood, James Bond. Beliau pernah mendapat jolokan Yul Brunner Malaysia kerana watak dan gayanya yang mirip pelakon Hollywood itu.

Pengalamannya yang luas dalam industri perfileman tanah air telah menempatkan dirinya sebagai salah seorang tokoh karyawan filem yang disegani. Allahyarham dianugerahkan pengiktirafan tertinggi dalam bidang seni negara melalui Anugerah Seni Negara yang diterimanya pada tahun 2009. Allahyarham Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin menghembuskan nafas terakhir pada 1 Mac 2017 pada usia 81 tahun. Encik Mohd Zamberi yang juga penulis buku Biografi Jins Shamsudin iaitu Suria Kencana berharap semoga buku biografi Allahyarham dapat dimanfaatkan. Perwatakan Jins Shamsudin dalam menjaga imej dan personaliti juga boleh dicontohi oleh pelakon baru.

Semoga perkongsian ilmu daripada Bicara@Muzium dapat membudayakan masyarakat untuk gemar mengunjungi Muzium dan menjadikan Muzium sebagai gedung ilmu pengetahuan.



En Zamberi A Malek membentangkan tajuk Jins Shamsuddin Dan Peranannya di Dalam Industri Perfileman Melayu.



Sesi soal jawab peserta kepada pembentang.



Majlis Penutup penyampaian sijil dan cenderahati kepada pembentang.

Program Eksplorasi@Muzium

Oleh: Nur Nasihah binti Mohamed Ariffin, Muzium Matang



MATANG - Muzium Matang telah membuka tirai dengan menganjurkan program Eksplorasi@Muzium. Program sebanyak lima siri ini bertujuan untuk memberi lebih penghayatan dan kefahaman kepada pelajar mengenai sejarah Kota Ngah Ibrahim. Penganjuran program ini merupakan satu inisiatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran, seterusnya memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah.

Program ini telah disertai seramai 370 pelajar daripada pelbagai sekolah iaitu:

BIL	PROGRAM	JUMLAH	TARIKH
1	Sekolah Kebangsaan Matang	Pelajar – 70 orang Guru – 10 orang	10 Januari 2023
2	Sekolah Kebangsaan Matang Gelugor.	Pelajar – 70 orang Guru – 5 orang	12 Januari 2023
3	Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang, Taiping.	Pelajar – 70 orang Guru – 5 orang	17 Januari 2023
4	Sekolah Kebangsaan Seri Aman Taiping.	Pelajar – 80 orang Guru – 5 orang	19 Januari 2023
5	Sekolah Kebangsaan Ngah Ibrahim.	Pelajar – 80 orang Guru – 5 orang	25 Januari 2023

Peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan melaksanakan beberapa aktiviti menarik yang disediakan di galeri. Program ini telah mendapat sambutan baik dan pihak sekolah-sekolah yang terlibat turut memberi pujian. Melalui program ini, mata pelajaran sejarah diajar dalam suasana yang lebih interaktif dan menyenangkan. Pengalaman di muzium seterusnya dapat melengkapkan pembelajaran formal dan tidak formal.





KELANTAN ART & CULTURE FESTIVAL TOUR 2023

Oleh: Nik Aesya binti Nik Ahmad Kamal, Muzium Negara

KUALA LUMPUR - Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan telah menganjurkan *Kelantan Art & Culture Festival Tour* di dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur bermula 24 hingga 26 Februari 2023. Pemilihan Muzium Negara sebagai lokasi acara ini telah memberi peluang kepada pengunjung Muzium Negara merasai pelbagai program kesenian dan kebudayaan Kelantan sepanjang festival tersebut.

Festival ini merupakan penganjuran bersama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan turut disertai agensi lain termasuklah JKKN, Kraftangan Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Nasional FM, Persatuan Hotel Malaysia dan Persatuan Hotel Bajet & Bisnes Malaysia.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam bin Ab. Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan pada Sabtu, 25 Februari 2023. Bersempena dengan acara perasmian, penganjur telah mengadakan aktiviti bekwoh atau gotong-royong kenduri bagi memeriahkan majlis. Pelbagai jenis lauk pauk kenduri seperti gulai kawah, ikan kering, sambal dan ulam-ulaman serta sambal belacan telah disediakan dan telah menarik hampir 2000 tetamu. Dr Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara turut hadir dan mengadakan sesi *walkabout* ke ruai pameran dengan diiringi oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim pada hari berikutnya.

Sepanjang tiga hari festival ini berlangsung, pelbagai pengisian menarik disajikan kepada pengunjung seperti menghasilkan tembikar dari tanah liat, mencanting dan mewarna batik, bermain kompang, membuat wau, wayang kulit dan pelbagai

demonstrasi seni kreatif. Persembahan pergendangan lagu Kelantan, persembahan kertok kelapa, rebana ubi, gasing terbang, seni silat tari dan tarian tradisional turut diadakan hidangan kuih-muih tradisi negeri Kelantan seperti che mek molek, buah tanjung, lompat tikam, jala mas dan lain-lain.

Forum juga turut diadakan pada malam 24 Februari 2023 dengan tajuk 'Berdakwah dalam Seni' yang telah dikelolakan oleh Encik Odey Petra sebagai moderator dan Dr. Fitri Haris sebagai penceramah jemputan. Program Raudhah ini dianjurkan dengan kerjasama Nasional FM dan JMM dan disiarkan secara langsung menerusi stesen penyiaran radio Nasional FM.

Muzium Negara selaku penganjur bersama turut merangka pelbagai program sisipan termasuklah program Jom Main di Perkarangan Muzium Negara yang melibatkan penyertaan pengunjung untuk lapan jenis permainan tradisional seperti capteh atau sepak bulu ayam, kaki hantu, tengteng, tuju selipar dan lain-lain. Program CERIA DIY membuat kraf Hiasan Dinding dan kraf Rama-rama turut diadakan di Dewan Tengah Muzium Negara dan terbuka kepada kanak-kanak tujuh hingga dua belas tahun.

Kesimpulannya, festival ini telah berjaya menarik pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk menghayati seni dan budaya negeri Kelantan. Ini bertepatan dengan visi Kementerian Perpaduan Negara untuk meningkatkan kesepaduan masyarakat dan kesejahteraan komuniti. Kejayaan festival ini menunjukkan bahawa program-program sebegini harus dipergiatkan lagi ke seluruh Malaysia untuk menarik minat masyarakat dan pelancong luar untuk mempelajari budaya dan warisan negara Malaysia. Keunikan seni dan budaya Malaysia perlu dipelihara dan dipulihara bak kata pepatah; yang lama dikelek, yang baharu didukung.



3 Januari 2023 -
Persaraan Encik Sahabudin
(Muzium Perak)



17 Januari 2023 -
Lawatan Kerja YB Menteri KPN
ke Muzium Lukut



21 Januari 2023 -
Lawatan Delegasi Kazakhstan
Ke Muzium Negara



30 Januari 2023 -
Kunjungan Hormat YBhg Ketua Pengarah
JMM Kepada Ketua Pegawai
Eksekutif FINAS



8 Februari 2023 -
Lawatan Pensyarah Dari Fakulti Seni
UITM Ke Galeri Muzik JMM



27 Februari 2023 -
Lawatan Rasmi Delegasi Centre of Islamic
Civilization of Uzbekistan (CICU)



KUNJUNGAN SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG KE MUZIUM TEKSTIL NEGARA SEMPENA PAMERAN *DYECO*: EKSPLORASI EKO TEKSTIL PEWARNA ALAMI

Oleh: Fadhliatun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara



KUALA LUMPUR - Pada 22 Februari 2023, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar berkenan bercemer duli berangkat ke Muzium Tekstil Negara bagi menyaksikan pameran *DYECO*: Eksplorasi Eko Tekstil Pewarna Alam, satu pameran sementara anjuran Jabatan Seni Reka Tekstil, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dengan kerjasama Muzium Tekstil Negara. Pameran ini diadakan bermula dari 18 Februari hingga 18 Mac 2023 bertempat di Galeri Saindera.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong tiba di Muzium Tekstil Negara pada jam 11.00 pagi dan telah meluangkan masa hampir 2 jam menyaksikan keseluruhan karya yang dipamerkan. Sepanjang lawatan tersebut, baginda turut berkongsi idea dan pengetahuan bersama para pengkarya berkaitan seni reka tekstil yang menjadi minat baginda sejak kecil lagi. Selain itu, baginda juga berkenan meluangkan masa mengikuti aktiviti sampingan pameran seperti mewarnakan batik menggunakan teknik ikat celup, menenun dan melawat gerai jualan seni yang diadakan di lobi muzium.

Pameran ini mempamerkan hasil karya mahasiswa tahun akhir Bidang Seni Reka Tekstil yang mengengahkan pelbagai bentuk hasil karya dari tiga disiplin ilmu bidang seni reka tekstil iaitu Seni Resis, Seni Cetakan dan Seni Serat atau Tenunan. Keseluruhan hasil karya tekstil yang dipamerkan adalah sangat istimewa kerana menggunakan sepenuhnya bahan semulajadi. Subjek olahan idea rekaan merupakan hasil inspirasi dan eksplorasi dari pelbagai jenis, bentuk serta bahagian tumbuh-tumbuhan yang telah dikenalpasti oleh mahasiswa yang terlibat. Seterusnya subjek yg terpilih diolah menjadi motif atau corak yang digunakan dalam hasil rekacorak pada karya. Bahan subjek yang dipilih juga kemudiannya diproses untuk dijadikan perwarna bagi mewarnai hasil karya yang dihasilkan.

Kunjungan Raja Permaisuri Agong ini telah memberi suntikan semangat kepada para mahasiswa yang terlibat untuk terus menghasilkan karya- karya yang berkualiti.



Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar berkenan bergambar bersama kumpulan mahasiswa UiTM yang terlibat secara langsung dalam pameran *DYECO*: Eksplorasi Eko Tekstil Pewarna Alam di Muzium Tekstil Negara



Program Bicara@Muzium

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang



Panel pembentang Encik Nor Hisham bin Zulkiflee dan (ACP) Tuan Selamat bin Sainuyen.



Ucapan Perasmian disampaikan oleh Encik. Pravin A/L Poobalan.

MATANG - 21 Mac 2023 Muzium Matang membuka tirai program Bicara@Muzium dengan menampilkan dua orang penceramah iaitu Encik Nor Hisham bin Zulkiflee membentangkan tajuk "Pasukan Keselamatan Ngah Ibrahim dan Asisten Komisioner Polis (ACP) Tuan Selamat bin Sainuyen Pengarah Muzium Kepolisian, Muzium PDRM membentangkan tajuk "Sejarah Penubuhan Pasukan Polis Perak" Program telah diadakan di Dewan Seminar Muzium Matang dan dirasmikan oleh YBrs. Encik. Pravin A/L Poobalan, Pegawai Perpaduan Daerah Larut Matang Selama. Tujuan program ini diadakan ialah menyebarkan kepada seluruh masyarakat ketokohan dan perjuangan Tengku Menteri Ngah Ibrahim, dan menjadi inspirasi kepada generasi kini dan akan datang.

Topik Bicara@Muzium banyak mengupas mengenai pasukan keselamatan dan Polis yang dimiliki oleh Ngah Ibrahim. Ayahanda beliau, Che Long Jaafar mempunyai pengawal-pengawal keselamatan daripada orang Melayu, dan keturunan Habsyi selain pasukan bergajah, kereta lembu dan kereta kerbau yang berfungsi untuk pertahanan dan pengangkutan.

Che Ngah Ibrahim juga memiliki pasukan polis dengan keanggotaan 40 orang anggota. Pada tahun 1873 Che Ngah Ibrahim telah menggaji Kapten Speedy sebagai pegawai keselamatan di Larut (Taiping) untuk mengetuai pasukan polisnya. Setelah termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 pasukan Sepoi di bawah pimpinan Kapten Speedy telah diserap menjadi Pasukan Polis Perak. Pasukan tersebut kemudiannya dibubarkan dengan penubuhan pasukan Polis Bersenjata Perak atau *Perak Armed Polis* yang bermarkas di Taiping. Penubuhan Pasukan Polis Perak bermula secara rasminya dengan kedatangan Mejar Paul Swinburne.

Program ini telah berjaya menarik seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada waris Tengku Menteri Ngah Ibrahim kakitangan kerajaan, NGO, penyelidik dan pemandu pelancong. Program seperti ini diharap dapat merealisasikan hasrat JMM untuk menjadikan muzium sebagai wadah ilmu dan agen perpaduan dan penyatuan masyarakat selain dapat menanamkan rasa cinta kepada sejarah negara.

PROGRAM SINGGAH SANTAI MUZIUM CHIMNEY

Oleh: Zainon binti Halon, Muzium Chimney

LABUAN - Musim cuti terutamanya cuti persekolahan sememangnya menjadi tumpuan para ibu bapa memanfaatkan kesempatan yang ada dengan membawa anak-anak dan keluarga bersantai di pelbagai lokasi. Bercuti dalam Malaysia juga tidak kurang menariknya kerana terdapat banyak pilihan lokasi yang mampu memberikan pengalaman yang belum pernah dirasakan selain dapat memperkayakan ilmu pengetahuan. Antara destinasi lawatan yang menjadi tumpuan ketika musim cuti persekolahan ialah lawatan ke muzium.

Bersempena dengan cuti persekolahan yang lalu, Muzium Chimney telah menganjurkan Program Singgah Santai @ Muzium pada 18 Februari hingga 19 Mac 2023. Penganjuran program merupakan salah satu inisiatif Muzium Chimney menyediakan pelbagai aktiviti menarik di muzium selaras dengan hasrat JMM untuk menyemarak, mendekatkan muzium dengan masyarakat sekaligus mempromosi muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan. Pada kali ini, pengisian utama yang menjadi tumpuan ialah aktiviti *Sleepover and Camping* @ Muzium yang diadakan bagi memberi peluang serta pengalaman menarik kepada para peserta merasai suasana malam di muzium melangkaui waktu lawatan biasa. Turut diadakan ialah menyusuri denai sejarah pada waktu malam, tayangan wayang pacak serta eksplorasi sejarah dan warisan geologi Tanjung Kubong. Aktiviti selama 2 hari 1 malam ini telah disertai seramai 33 orang peserta berusia dari 8 hingga 35 tahun. Peserta termasuk dari dalam dan juga luar Labuan. Aktiviti ini dijayakan dengan kerjasama Tourism Malaysia, Pusat Ko-Kurikulum Jabatan Pendidikan Negeri, Angkatan Pertahanan Awam (APM) Labuan, Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran serta media-media tempatan termasuklah BERNAMA, Sinar Harian, BES Labuan dan See Hua Daily News.

Selain aktiviti bermalam di muzium, aktiviti lain turut diadakan seperti Senam Sihat Muzium dan Komuniti bertemakan retro 60-an yang menyasarkan penglibatan komuniti di Wilayah Persekutuan Labuan seramai 110 orang melalui kerjasama Persatuan Sukan Kecergasan Labuan, Kelab



Friendly Hikers Labuan dan Jabatan Kesihatan Negeri Labuan. Aktiviti sampingan seperti pemeriksaan kesihatan percuma, cabutan bertuah, pertandingan pakaian retro tercantik serta putera dan puteri retro 60-an, pertandingan Diorama dan *Hotwheels Race Challenge* @ Muzium yang menarik minat peserta daripada negeri Sabah dan Sarawak dengan kerjasama *Labuan Hotwheels Enthusiast*. Turut menjadi tumpuan para pengunjung juga tidak ketinggalan berpeluang menyertai peraduan *selfie* dan *wefie* @ Muzium Chimney selain mencuba pelbagai permainan tradisi yang disediakan di perkarangan muzium seperti terompah gergasi, kaki hantu atau rampanau, gasing, congkak, dam aji, sepak raga dan sebagainya. Peraduan kuiz sejarah Chimney, teka berat spesimen arang batu, teka jumlah kepingan serpihan seramik serta teka jumlah muka surat buku dan majalah terbitan JMM juga turut diadakan. Kebanyakan pengunjung yang ditemui menyatakan rasa teruja dan seronok berada di muzium sepanjang aktiviti dijalankan dan berharap program-program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Melalui penganjuran program ini, Muzium Chimney bukan sahaja telah berjaya mencatatkan peningkatan jumlah kedatangan pelawat ke muzium tetapi mendapat impak yang lebih positif apabila dilihat mampu menarik pelawat yang berulang ke muzium sama ada dari dalam mahupun luar Labuan. Program ini akan diteruskan sebagai salah satu inisiatif utama pihak Muzium Chimney menyediakan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan di muzium sekaligus memperkayakan minda pengunjung dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat.



Program Ceria @ Muzium Negara

Oleh: Nik Aesya binti Nik Ahmad Kamal, Muzium Negara

KUALA LUMPUR - Muzium Negara meneruskan lagi aktiviti hujung minggu dengan Program CERIA yang diadakan pada setiap hari Sabtu. Program CERIA merupakan aktiviti berkonsepkan *Do-It-Yourself* (DIY) yang hanya mengambil masa tidak melebihi 30 minit. Program ini bersifat interaktif dan praktikal khusus kepada kanak-kanak dan ibu bapa.

Antara aktiviti yang dilakukan untuk Program CERIA termasuklah DIY penanda buku, wau bulan, kotak undi dan anyaman kertas. Selaras dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, aktiviti-aktiviti yang diatur juga seiring dengan sambutan perayaan di Malaysia. Sebagai contoh, kraf yang bercirikan arnab dan naga telah dibuat pada musim perayaan sambutan Tahun Baharu Cina manakala kraf pokok krismas telah dibuat ketika sambutan perayaan Krismas. Kepelbagaian kraf yang meraikan masyarakat di Malaysia sedikit sebanyak turut mendedahkan kanak-kanak kepada budaya masyarakat majmuk di negara kita.

Aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat menarik minat golongan muda untuk datang ke muzium, malah dapat mengukuhkan kedudukan muzium sebagai salah satu institusi pendidikan tidak formal yang mendidik masyarakat tentang sejarah dan budaya. Secara tersuratnya, aktiviti-aktiviti ini dapat melatih kanak-kanak untuk mahir dalam seni kraftangan seperti seni menggunting, mewarna dan origami, namun yang lebih utama ialah kanak-kanak dilatih untuk berfikir secara kreatif dan kritis dalam menjaya dan menyiapkan sesuatu kraftangan. Aktiviti sebegini juga dapat mengeratkan silaturahim dan hubungan kekeluargaan apabila turut disertai oleh ibu bapa dan ahli keluarga yang lain.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang program CERIA yang akan datang, orang ramai boleh mengikuti media sosial MuziumNegaraRasmi di enam pelantar iaitu di Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, Tiktok dan Youtube. Manakala, untuk mengetahui lebih lanjut tentang program, aktiviti dan pameran yang terdapat di Muzium Negara, boleh layari laman sesawang Muzium Negara di www.muziumnegara.gov.my.



PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULA JADI

Oleh: Muhamad Syafiq bin Ahmad Zahari, Muzium Alam Semula Jadi



KUALA LUMPUR - Program *outreach* atau program jangkau luar Muzium Alam Semula Jadi yang pertama pada tahun 2023 dimulakan dengan Sekolah Kebangsaan (1) Gombak pada 2 Februari 2023. Menerusi program *outreach* ini, para pelajar didedahkan dengan fakta-fakta menarik mengenai pelbagai spesimen awetan zoologi yang dipamerkan agar mereka lebih mengenali serta menghargai hidupan liar yang semakin diancam kepupusan. Antara spesimen-spesimen menarik yang dibawa termasuklah spesimen kupu-kupu, rama-rama, riang-riang, kelawar dan sebagainya.

Program kedua telah diadakan pada 8 Februari 2023 di SMK (P) Pudu. Para pelajar didedahkan dengan pelbagai jenis pengkelasan hidupan liar yang telah diawet serta diberi penerangan tentang peranan hidupan liar tersebut di dalam ekosistem alam semula jadi. Perkongsian ilmu dalam program ini turut menyentuh aspek-aspek pemeliharaan, pemuliharaan dan pengetahuan asas ekologi hidupan-hidupan tersebut.

Program *outreach* ketiga pula melibatkan para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn pada 14 Februari 2023. Dalam program ini, para pelajar didedahkan dengan pelbagai jenis spesimen zoologi yang mempunyai kepentingan dalam ekosistem di Malaysia serta diberikan penerangan tentang jenis-jenis awetan yang dilakukan oleh kakitangan Muzium Alam Semula Jadi. Selain itu, aktiviti pembuatan origami penanda buku yang bertemakan alam semula jadi turut diadakan.

Kesemua tiga program *outreach* ini diketuai oleh Encik Muhamad Syafiq bin Ahmad Zahari, Kurator Zoologi dan penglibatan seramai tujuh orang pegawai dan kakitangan Muzium Alam Semula Jadi. Matlamat utama program ini ialah untuk berkongsi pengetahuan tentang ilmu sains alam semula jadi selain menarik minat pelajar untuk meminati ilmu sains disamping memupuk nilai untuk menghargai kepelbagaian fauna negara yang kian terancam akibat pembangunan.



Program Cuti Sekolah @Muzium Muzik

Oleh: Maisaraf binti Marman, Muzium Muzik

KUALA LUMPUR - Muzium Muzik membuka tirai 2023 dengan pengisian Program Cuti Sekolah@Muzium Muzik bermula 18 Februari hingga 19 Mac 2023 di Galeri Muzik dan Pentas Terbuka, Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Aktiviti Mewarna Alat-Alat Muzik telah dijalankan di dalam Galeri Muzik dan melibatkan pelajar-pelajar yang berkunjung bersama ibubapa.

Persembahan Khas di Pentas Terbuka JMM pula menyaksikan kerjasama dengan Akademi Seni Budaya Warisan Kebangsaan (ASWARA) membawa persembahan yang melibatkan alat-alat muzik seperti Gendang, Gu Zheng, Sitar, Gambus, Tabla, Cajun/Percussion, Gitar/Bass/Keyboard dan persembahan Vokal.

Persembahan khas ini melibatkan seni muzik pelbagai etnik di Malaysia iaitu alat muzik gendang, Gu Zheng merupakan alat muzik tradisional Cina di Malaysia dan telah disampaikan oleh Cik Lim Khai Chee. Persembahan vocal klasikal daripada para pelajar ASWARA juga turut dipersembahkan kepada para hadir pada hari tersebut.

Bagi tema kontemporari pula menyaksikan gabungan alat-alat muzik yang menghasilkan bunyi yang tenang.

Segmen Bersama Pelukis Encik Rosniza Niz Art turut mengisi pengisian program Cuti Sekolah@Muzium Muzik dengan mewarna alat-alat muzik bersama pengunjung yang datang.

Pengisian program Cuti Sekolah@Muzium Muzik termasuklah

Pengisian Program	Tarikh
1) Mewarna Alat-Alat Muzik	18 Februari 2023 hingga 19 Mac 2023.
2) Persembahan Khas :	
i) Tema Penggendangan	25-26 Feb 2023
ii) Tema Klasikal	4-5 Mac 2023
iii) Tema Kontemporari	11-12 Mac 2023
3) Mewarna Alat-Alat Muzik Bersama Pelukis : Encik Rosniza Niz Art	12 Mac 2023
4) Cabutan Nombor Bertuah Kepada Pengunjung Muzium Muzik	18 Februari 2023 hingga 19 Mac 2023.

Kenali Muzium Adat

Oleh: Siti Nor Hayati binti Tapsir, Muzium Adat



Para pelajar sedang membaca teks Pameran Acuan Kuih Tradisional Malaysia.



Pelajar Tahun 1 menunjukkan hasil daripada aktiviti yang disertai.

Para pelajar mendengar penerangan tentang acuan kuih tradisional yang dipamerkan.

JELEBU - Pada 22 Mac 2023 (Rabu), Muzium Adat telah mengadakan program jangkauan luar 'Kenali Muzium Adat' di Sekolah Kebangsaan Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar dan guru-guru memahami dan mengenali dengan lebih dekat tentang muzium dan peranannya. Seramai 416 pelajar, 34 orang guru dan enam orang kakitangan sekolah turut menyertai program ini.

Antara pengisian program ialah Pameran Acuan Kuih Tradisional Malaysia, kuiz berkaitan dengan acuan kuih tradisional dan aktiviti membentuk kuih mengikut acuan. Tiga orang kakitangan Muzium Adat yang terlibat dalam program ini ialah Penolong Kurator, Encik Mohd Shahir bin Mohd Ali, Pembantu Muzium, Encik Mohd Azlan bin Faidir dan Puan Siti Norhayati binti Tapsir. Turut hadir menjayakan program ini ialah Pengarah Muzium Adat, Cik Hayati binti Mohamad Zawawi.

Sekalung penghargaan kepada Guru Besar, Puan Nursuzilawati binti Ismail, GPK HEM, Puan Siti Mastura binti Ghani, guru akademik, Encik Amirun Ikmal bin Kusaini serta guru-guru dan para pelajar kerana memberi kerjasama yang baik sepanjang program ini berlangsung.

Program Tautan Kasih 'Nona Baker Is Back to Sungai Lembing'

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

KUANTAN, PAHANG – Pada 17 Februari 2023, Muzium Sungai Lembing telah menerima kunjungan daripada Puan Jane Smith iaitu waris Vincent Bryce Carew Baker atau V.B.C Baker, salah seorang Pengurus Pahang Consolidated Company Limited (PCCL) yang bermula dari tahun 1929 hingga 1940-an. Beliau turut ditemani sahabatnya Puan Penny serta Puan Grace bersama pasangan masing-masing.

V. B.C Baker merupakan salah seorang pengurus lombong bijih timah di Sungai Lembing, dan dilahirkan pada 3 November 1888 di Milton Bryan, Bedfordshire, England. Beliau mendapat Pendidikan di Camborne School of Mines pada tahun 1906 hingga tahun 1909 kemudian berpindah ke Kalgoorlie, Western Australia pada tahun 1911.

Pada Februari 1912, beliau telah menjadi Juruukur dan Pengurus Lombong Bijih Timah di Syarikat Lombong Bijih Timah PCCL. Beliau meninggal dunia pada tahun 1944 ketika berumur 56 tahun. Sebelum itu beliau tinggal bersama adiknya Nona Baker semasa zaman pendudukan Jepun pada tahun 1940-an di Sungai Lembing. Cerita tragis suka duka mereka berdua diceritakan di dalam Buku 'Pai Naa' The Story of Englishwoman Nona Baker's Survival in the Malayan Jungle During WWII. Buku tersebut dihasilkan oleh Dorothy Thatcher dan Robert Cross.

Ketibaan Puan Jane ke Muzium Sungai Lembing telah disambut mesra oleh Encik Peterson Augustine, Ketua Muzium, Muzium Sungai Lembing. Beliau telah diberi taklimat ringkas mengenai Muzium Sungai Lembing dan Puan Jane turut bercerita detik dan peristiwa mendiang ayahnya yang merupakan anak bongsu kepada V.B.C Baker yang tinggal di Sg Lembing lewat tahun 1930-an. Beliau turut berkongsi sebanyak 52 keping koleksi gambar-gambar lama Bangunan European Bungalow 1 (Bangunan sekarang) dan kawasan sekitar Sg Lembing, selain dokumen-dokumen lain seperti surat tulisan tangan Nona Baker dan beberapa surat-surat oleh pihak Syarikat Lombong Bijih Timah.

Puan Jane juga diberi penghormatan untuk menanam pokok Durian Belanda di kawasan Muzium Sungai Lembing sebagai tanda kenang-kenangan buat datuknya. Beliau dan sahabatnya turut dibawa menaiki tram untuk menikmati suasana dan tempat menarik di Sungai Lembing seperti Jambatan Gantung Pelangi, Kolong Pahat, Jambatan Kolong Pahat, Pekan Sungai Lembing, Tapak Kilang Pemprosesan Bijih Timah dan Laluan Hospital Lama PCCL.

Kunjungan beliau amat bermakna buat pihak Muzium Sungai Lembing atas perkongsian maklumat dan bahan sejarah tentang bangunan muzium, perlombongan bijih timah dan kawasan Sg Lembing.



Mr V.B.C Baker Bekas Pengurus
Lombong Bijih Timah
Sungai Lembing



Madam Elsie Baker Isteri V.B.C
Baker



Puan Jane Smith bergambar
kenangan semasa menanam pokok
sebagai tanda kenang-kenangan di
perkarangan Muzium Sungai Lembing.



Antara keratan akhbar mengenai
kelangsungan hidup Nona Baker
semasa zaman penjajahan Jepun di
Sungai Lembing

PERBANDINGAN DULU DAN SEKARANG BANGUNAN MUZIUM SUNGAI LEMBING MELALUI KOLEKSI GAMBAR YANG DIPEROLEHI DARIPADA PUAN JANE SMITH



Dulu



Sekarang

Kenderaan Galloway yang berada di pintu masuk bangunan European Bungalow 1 (Muzium Sungai Lembing sekarang)



Ketua Muzium dan kakitangan Muzium Sungai Lembing bergambar
kenangan bersama Puan Jane Smith serta rombongan.



BATU NISAN ACEH: MENELUSURI SEJARAH ASAL-USUL DAN KEWUJUDANNYA


Oleh: Siti Munirah binti Kasim, Muzium Kota Kayang, Perlis

KOTA KAYANG - 22 Februari 2023, Muzium Kota Kayang telah membuka tirai program bagi tahun 2023 melalui Bicara@Muzium bertajuk Batu Nisan Aceh: Menelusuri Sejarah Asal-Usul dan Kewujudannya. Penceramah yang diundang khas bagi membicarakan tajuk ini ialah Dr. Suprayitno M.Hum. yang merupakan Lektor Kepala bagi kampus Ilmu Sejarah FIB, Universitas Sumatera Utara. Kepakaran Dr. Suprayitno M.Hum. dalam bidang ini tidak perlu dipertikaikan lagi kerana kajian PhD beliau adalah di bawah seliaan Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin mengarang penyelidikan khusus berkaitan Makam Lama dan Batu Nisan Aceh di Perak.

Menurut penceramah, dari segi sejarahnya, kewujudan batu nisan berbentuk batu Aceh di Malaysia yang berusia lebih 500 tahun di Sayong Pinang, Johor telah membuktikan perkembangan Islam dan kesenian Islam dari Aceh membawa pengaruh besar dalam kehidupan sosial orang Islam di Tanah Melayu. Penyebaran tradisi kesenian batu Aceh ini turut meliputi Selatan Thailand, Brunei dan sebahagian provinsi di Indonesia. Ini bertepatan dengan Aceh yang dianggap sebagai pintu gerbang bermulanya penyebaran Islam di dunia Melayu dan Asia Tenggara.

Intipati Bicara@Muzium ini menjurus kepada perbincangan tentang asal-usul Batu Nisan Aceh dan antara keberadaannya. Batu Nisan Aceh berasal dari Aceh dan tersebar sehingga ke Tanah Melayu. Penceramah juga memperlihatkan revolusi binaan Batu Nisan Aceh mengikut tahun tertentu dan berdasarkan kerajaan yang tertubuh pada ketika itu. Selain itu, Batu Nisan Aceh dari segi tipologi dan *ornament* yang mewah menurutnya adalah milik golongan bangsawan dan ini yang membezakan kedudukan sesebuah masyarakat ketika itu.

Kesimpulan daripada pembentangan penceramah tersebut ialah; A) Tipologi dan kronologi Batu Nisan Aceh dapat digunakan dalam penyelidikan Sejarah Islam misalnya bagi mengkaji kedatangan Islam ke Nusantara atau Asia Tenggara. B) Menganalisis Kedudukan Istana Raja-Raja Melayu berdasarkan tipologi. C) Mengenal bentuk budaya Islam yang akomodatif terhadap tradisi Pra-Islam.



“EKSPLORASI & KEINDAHAN PEWARNAAN SEMULA JADI PADA TEKSTIL”

Oleh: Fadhliatun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR - Pada 14 Mac 2023 Muzium Tekstil Negara (MTN) telah membuka tirai program Bicara@Muzium dengan topik “Eksplorasi dan Keindahan Pewarnaan Semula Jadi pada Tekstil” bertempat di Galeri Saindera, Bicara@Muzium pada kali ini, menampilkan tiga ahli akademik yang berpengetahuan luas dan tidak asing lagi mengenai dunia seni tekstil dan sains gunaan iaitu Dr. Muhammad Ismail bin Ab Kadir, Pensyarah Kanan Sains Tekstil dan Teknologi Fesyen, Prof. Madya Dr. Basitah Taif, Pensyarah Kanan Kolej Pengajian Seni Kreatif dan Puan Sharifah Tahirah binti Syed Kamarulzaman pelajar peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam mengupas dan merungkai keindahan dan keunikan pewarnaan semula jadi pada tekstil.

Pembentangan pertama daripada Dr. Muhammad Ismail bin Ab Kadir bertajuk Penyediaan, Penggunaan dan Penambahbaikan dalam Pewarnaan Tekstil membicarakan secara ringkas tentang sumber-sumber yang boleh dijadikan pewarna semulajadi untuk kegunaan dalam pencelupan dan percetakan tekstil. Jenis-jenis *mordant* dan proses penggunaan *mordant* turut dibincang. Perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian semasa proses ekstraksi, pewarnaan dan selepas pewarnaan juga disentuh secara ringkas. Beberapa rawatan yang dibuat ke atas fabrik untuk menambahbaik daya serapan fabrik terhadap pewarna semula jadi yang digunakan dan juga secara spesifik tahap ketahanan warna terhadap cahaya. Proses dan kepentingan pengukuran warna juga dibincangkan secara ringkas. Selain itu beliau turut berkongsi projek-projek penyelidikan berkenaan pewarna semula jadi yang telah berjaya dilaksanakan.

Prof. Madya Dr. Basitah Taif membentangkan kajian berkaitan Pengestrakan Pewarna Semula Jadi daripada Kulit Manggis melalui Kaedah Pengereng Beku. Menurutnya penghasilan pewarna asli bagi mewarna tekstil Melayu di Semenanjung Malaysia telah bermula sejak abad pertama lagi di mana Kelantan dan Terengganu adalah negeri yang terlibat secara khusus dalam aktiviti ini. Pelbagai jenis bahan dengan menggunakan kaedah berbeza diaplikasi untuk mengekstrak warna-warna tersebut. Namun begitu, prosedur yang digunapakai mengambil masa yang lama terutama sekali apabila melibatkan kaedah *merebus*. Sehubungan itu, sebagai alternatif bagi mengekstrak pewarna asli, eksperimen menggunakan kulit manggis dengan kaedah Pengereng Beku; *Freeze-drying* telah dijalankan. Hasil kajian ini memberi petunjuk warna (*colour values*) yang berbeza dan penggunaan masa lebih singkat berbanding kaedah merebus.

Pembentang terakhir, Puan Sharifah Tahirah binti Syed Kamarulzaman memaklumkan berdasarkan kajian beliau warna tradisional pada songket Melayu, seperti kuning, putih, hijau, biru, merah dan hitam, mempunyai pelbagai makna yang simbolik dan tujuan serta berkait rapat dengan alam semula jadi. Penggunaan pewarna semula jadi menjadi pilihan kerana ia mempunyai nilai yang dikaitkan dengan maruah, status dan kebanggaan bagi kerabat diraja Melayu. Menurutnya juga pengenalan pewarna semula jadi amat penting bagi memahami komposisi pewarna tekstil sejarah dan arkeologi di Malaysia. Ia dapat mengesahkan sorotan literatur sejarah dan memahami sepenuhnya bahan yang digunakan untuk menghasilkan songket Melayu tradisional. Di samping itu ia membantu penyelidik, konservator dan kurator dalam memahami sifat/ciri artifak secara mendalam dan meningkatkan pemeliharaan tekstil di Malaysia.

Pemilihan topik program Bicara@Muzium pada kali ini disesuaikan dengan pameran khas bertajuk “Dyeco: Eksplorasi Eko Tekstil Pewarna Alami” yang berlangsung di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara bermula dari 18 Februari hingga 18 Mac 2023.



Pesta Angin Timur 2023

“Mai Pakat Mai, Pakat Mai Ramai-Ramai”

Oleh: Siti Munirah binti Kasim, Muzium Kota Kayang, Perlis

SANGLANG – 3 - 5 March 2023, pesta Angin Timur 2023 telah membuka ruang bagi Muzium Kota Kayang mempamerkan artifak tradisional berkaitan penanaman padi yang telah lama dilupakan. Pesta Angin Timur merupakan program tahunan yang dianjurkan sejak tahun 2011, bertujuan untuk mendekatkan masyarakat khususnya di bahagian utara tanah air dengan pelbagai kegiatan seni, budaya dan warisan. Program ini melibatkan Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan di bawah MOTAC dengan Kerajaan Negeri Perlis oleh Majlis Kebudayaan Negeri Perlis. Program ini mengambil nama sempena peredaran musim daripada sejuk ke musim panas yang dibawa angin dari sebelah Timur ke Negeri Perlis. Pengisian program meliputi kenduri rakyat dan gotong royong, Pertandingan permainan rakyat/tradisional, Persembahan seni tradisional, Pameran, demonstrasi dan jualan produk seni dan kraf, Jualan makanan (food truck), Fun fair bendang, Pameran pelbagai Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Pada tahun ini, Muzium Kota Kayang telah membawakan pameran yang bertajuk “Semangat Padi”. Secara amnya kepercayaan semangat padi ialah kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai semangat (roh) dan dalam konteks ini, penanaman padi merupakan suatu kerja yang melibatkan pelayanan dengan semangat padi. Perhubungan dengan semangat padi dilakukan dengan bermacam-macam upacara jampi.

Kepercayaan ini meluas dalam masyarakat yang menanam padi secara turun temurun dan tidak terhad

kepada orang Melayu sahaja. Kepercayaan ini mula terhakis dengan peningkatan akidah Islam dan juga perkembangan sains dan teknologi dan hanya diamalkan oleh segolongan kecil orang-orang lama sahaja. Pameran ini bukan merujuk kepada semangat padi berdasarkan kepercayaan animisme dan sebagainya, namun mengambil semangat yang ada dari padi serta kaitannya dengan kehidupan masyarakat di Perlis.

Selain pameran, pengunjung Pesta Angin Timur juga disajikan dengan aktiviti-aktiviti menarik di reruai Muzium Kota Kayang antaranya ialah Kuiz Teka Berat Padi serta demonstrasi menggunakan peralatan menuai padi tradisional seperti lesung hindik dan sebagainya. Secara statistiknya, pameran *outreach* di Pesta Angin Timur ini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 40,231 pengunjung yang datang melawat reruai Muzium Kota Kayang dan sebanyak 3810 penyertaan telah diterima bagi Kuiz Teka Berat Padi.

Program Pesta Angin Timur ini secara dasarnya mencapai objektif utama yang disasarkan iaitu mempromosi dan menyemarakkan aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan tempatan kepada pelancong domestik serta antarabangsa, di samping, mempromosikan industri pelancongan di negeri Perlis serta meningkatkan kefahaman apresiasi seni budaya kepada segenap lapisan masyarakat kearah pembentukan perpaduan bangsa yang harmoni sesuai dengan hasrat Malaysia Madani.



Pengunjung yang membanjiri reruai Muzium Kota Kayang bagi menyertai kuiz teka berat padi.



Pengunjung yang membanjiri reruai Muzium Kota Kayang dan pasukan Muzium Kota Kayang yang bertugas bagi program pesta angin timur tahun ini.

Sembang Santai: 'Tradisi Bubur Lambuk Negeri Perak'

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak

MUZIUM PERAK - 1 April 2023, (bersamaan 10 Ramadhan 1444H), Program Sembang Santai 'Tradisi Bubur Lambuk Negeri Perak' menampilkan Ikon Masakan Melayu di Daerah Larut Matang dan Selama (LMS) iaitu Y.A. Bhg Toh Puan Hajjah Datin Norisha Abd Rahman atau lebih mesra dengan panggilan Mak Tok sebagai perasmis dan juga panel bagi Program Sembang Santai ini. Manakala Encik Barhaman Zaktom bin Ahmad bertindak sebagai moderator. Program ini telah dihadiri oleh Pegawai Perpaduan Daerah, Pegawai Penerangan Daerah, Ketua dan wakil Jabatan, Pengerusi, Jawatankuasa dan ahli-ahli KRT Daerah Larut Matang Selama.

Bubur Lambuk menjadi juadah pilihan yang dinanti-nantikan pada bulan Ramadan, bukan sahaja kepada umat Islam bahkan seluruh

masyarakat tidak kira bangsa atau agama. Pada tahun 2015, Bubur Lambuk telah diangkat sebagai Makanan Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara. Ahli panel bersepakat mengatakan dalam konteks kemasyarakatan, bubur lambuk menjadi simbolik kepada makanan dan komuniti. Setiap negeri mempunyai identiti bubur lambuknya yang tersendiri dan di Perak, keunikan bubur ini terletak pada bahan-bahan yang digunakan iaitu udang kering, daging atau ayam serta ubi keledak, ubi kentang, lobak, daun sup dan rempah ratus yang mencukupi berbanding ikan dan pucuk paku merah di sebelah Pantai Timur. Bubur Lambuk akan bertambah sedap jika dicampurkan daun ketumbar. Bagi di negeri-negeri sebelah utara termasuk negeri Perak, bubur lambuk lebih dikenali sebagai 'kanji'. Semasa berkongsi pengalamannya, Y.A.Bhg

Toh Puan berkata semangat gotong-royong amat diperlukan dalam penghasilan bubur lambuk kerana dengan kerjasama berkumpulan dapat mewujudkan sifat menghormati antara satu sama lain.

Bersama dengan Program Sembang Santai 'Tradisi Bubur Lambuk Negeri Perak', turut diadakan Program Gerak Rahmah 2023: Jom Masak Bubur Lambuk anjuran bersama Muzium Perak dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Daerah Larut Matang Selama bagi peringkat Daerah Larut Matang dan Selama. Malahan Program Gerak Rahmah 2023: Jom Memasak Bubur Lambuk juga diadakan secara serentak di seluruh negara. Program ini melibatkan enam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di sekitar Larut Matang. Sebanyak 750 bekas bubur lambuk berjaya diagihkan.



Bengkel Bersama SLAE' Kosmetik Tampil Cantik dan Professional

Oleh: Norfiza binti Zainal Abidin, Bahagian Komunikasi Korporat



KUALA LUMPUR – 28 Februari 2023 keterampilan diri dan personaliti yang menarik merupakan aset yang bernilai kepada seseorang wanita. Reputasi dan karisma diri akan meningkat dan berkembang apabila mempunyai personaliti yang professional, bukan sahaja dari segi etika dan komunikasi malahan apabila memiliki penampilan yang menarik.

Sehubungan dengan itu, bagi menambah pengetahuan, kemahiran dan tips-tips kecantikan serta mengajar cara solekan asas dan penampilan yang sesuai ke pejabat kepada pegawai dan kakitangan wanita Jabatan Muzium Malaysia, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kecil JMM menerusi Biro Sosial dan Keterampilan Diri telah mengadakan Bengkel Tampil Cantik dan Professional dengan kerjasama SLAE' Kosmetik. Bengkel ini menampilkan Puan Suraini sebagai penceramah merangkap *grooming specialist* dari SLAE' Kosmetik. Program turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datin Zuriddah binti Harun, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil, JMM dan 42 orang kakitangan muzium.

Program ini dimulakan dengan sesi perkongsian dan pelbagai tips kecantikan oleh Puan Suriani diikuti sesi solekan di mana setiap peserta diberikan tugas untuk mempraktikkan dan merasai sendiri bersolek dengan menggunakan peralatan dan produk SLAE' dengan bimbingan dan tunjuk ajar daripada pihak SLAE'. Pada kemuncak program, pihak SLAE' telah memilih tiga orang pemenang bertuah yang berjaya mengaplikasikan solekan mengikut tona warna kulit yang sesuai.

Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata dan sesi bergambar bersama para peserta dan diikuti dengan sesi penebusan hadiah misteri kepada semua peserta yang hadir serta jualan produk solekan oleh pihak SLAE'. Diharap dengan penganjuran program ini dapat memberikan pengetahuan dan kemahiran yang sebetulnya kepada peserta dalam mengaplikasikan teknik penjagaan wajah dan ilmu solekan semasa hadir ke pejabat dan dalam kehidupan seharian agar tampil lebih cantik dan professional.



SENAMROBIK JMM 2023

Oleh: Suriati binti Sulong, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

KUALA LUMPUR - Pada 10 Mac 2023 Pusanita Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bersama Persatuan Kebajikan Sosial dan Rekreasi (PKSR) telah mengadakan Program Senamrobik di Pentas Terbuka Dataran Muzium Negara. Objektif utama program ini diadakan ialah untuk menerapkan gaya hidup sihat dan cergas dalam kalangan warga JMM.

Senamrobik ini bermula pada jam 3.30 petang yang diketuai oleh Puan Tina Azura, seorang jurulatih kecergasan. Aktiviti ini telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan warga JMM dan seramai 42 orang peserta telah menyertainya.

Program ini berjaya mewujudkan kerjasama yang baik antara PUSPANITA dan PKSR dan diharapkan jalinan kerjasama ini dikekalkan untuk pelaksanaan aktiviti dan program pada masa hadapan.



Para peserta senamrobik bergambar bersama jurulatih Puan Tina Azura.

ZIARAH AMAL PKSR 2022

Oleh: Muhammad Nahar Wafi bin Nasruddin, Unit Pembangunan

SHAH ALAM - Selasa 14 Februari 2023, Biro Kebajikan dan Agama Persatuan Kebajikan, Sosial dan Rekreasi JMM (PKSR) bersama ahli yang berkelakangan telah mengadakan Ziarah Amal PKSR bagi menyantuni dan menziarahi Encik Abdur Rahim bin Mazuki (kakitangan Muzium Tekstil Negara) ke kediaman beliau di Jalan Kebun, Shah Alam. Encik Rahim telah diuji dengan kanser darah sehingga kini beliau tabah dan terus berjuang melawan kanser tersebut.


Setelah hampir setahun beliau diuji, keadaan beliau semakin pulih dan sihat, bersemangat dan dapat melakukan rutin senaman ringan. Kami warga JMM mendoakan Encik Rahim supaya terus diberi kesihatan yang baik dan kekal semangat untuk melawan kanser tersebut dan dapat meneruskan kehidupan seperti biasa.



KOMPILASI KAJIAN KES KONSERVASI ARTIFAK



Buku ini merupakan kompilasi beberapa kajian kes yang telah dijalankan terhadap khazanah warisan negara yang telah mengaplikasikan pelbagai teknik konservasi. Pendokumentasian kajian kes ini dapat menjelaskan mengenai penggunaan teknik konservasi yang bersesuaian terhadap penjagaan artifak mengikut tahap kerosakan. Pelbagai bahan dan teknik digunakan bagi menyelamatkan dan memanjangkan jangka hayat sesebuah artifak. Berdasarkan kajian kes yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa kerosakan terhadap artifak bukan sahaja berpunca daripada kecuaiian manusia, bahkan jua faktor persekitaran. Secara umumnya, proses konservasi boleh dilaksanakan melalui dua pendekatan iaitu secara kuratif dan preventif. Selain itu, buku ini juga turut memuatkan pelbagai teknik rawatan dan kaedah pencegahan yang boleh diimplimentasikan sewaktu menjalankan proses konservasi. Penerbitan buku ini dapat membantu pembaca memahami dengan lebih mendalam mengenai teknik konservasi dan amat bersesuaian untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada semua.



KONSERVASI ARTIFAK MERIAM SEJARAH KAEDAH SAINTIFIK

Tanggungjawab melestarikan khazanah warisan negara bukan sahaja terletak di bahu professional-profesional muzium, malah segenap lapisan masyarakat harus bersama-sama berusaha bagi mencapai hasrat tersebut. Penerbitan Buku Konservasi Meriam Sejarah Kaedah Saintifik merupakan usaha Jabatan Muzium Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia bagi menyebarkan pengetahuan berkaitan asas konservasi artifak mengikut prosedur yang betul. Meriam sejarah menjadi subjek perbincangan di dalam buku ini kerana ia merupakan antara artifak di persekitaran luar yang sedang mengalami proses kemusnahan. Kefahaman terhadap faktor-faktor yang merosakkan artifak dapat membantu mengatasi masalah ini daripada berterusan. Topik kakisan dan jenis-jenis kakisan yang menjadi salah satu faktor penyebab kerosakan kepada meriam turut disentuh dalam buku ini. Pembaca juga disajikan dengan maklumat-maklumat penting bagi sesebuah meriam sejarah dari segi aspek penjenisan, dimensi, identifikasi fizikal dan fungsinya. Prosedur konservasi Meriam menggunakan kaedah saintifik telah disusun sebagai garis panduan yang standard untuk dijadikan rujukan. individu-individu yang berkecimpung dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan warisan sejarah.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Muzium-Muzium di Bawah
JABATAN MUZIUM MALAYSIA
www.jmm.gov.my



**MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR**



**MUZIUM ADAT
JELEBU, NEGERI SEMBILAN**



**MUZIUM DIRAJA
KUALA LUMPUR**



**MUZIUM PERAK
TAPING PERAK**



**GALERIA PERDANA
LANGKAWI**



**MUZIUM MATANG
PERAK**



**MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH**



**MUZIUM SUNGAI LEMBING
PAHANG**



**MUZIUM CHIMNEY
LABUAN**



**MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI
KUALA LUMPUR**



**MUZIUM SENI BINA MALAYSIA
BANDAR HILIR, MELAKA**



**MUZIUM KOTA KUALA KEDAH
KEDAH**



**MUZIUM KOTA KAYANG
PERLIS**



**MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL
SEPANG**



**MUZIUM KOTA JOHOR LAMA
JOHOR**



**MUZIUM LABUAN
LABUAN**



**MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU
KUALA LUMPUR**



**MUZIUM TEKSTIL NEGARA
KUALA LUMPUR**



**MUZIUM MARIN LABUAN
LABUAN**



**MUZIUM LUKUT
NEGERI SEMBILAN**

**MUZIUM KITA
TAMADUN KITA**

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara,
50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000
(+603) 2282-6255

Faks: (+603) 2282-6434

http: //www.jmm.gov.my